

BN kaji syarat rumah

*Syarat tambahan
sebabkan kos rumah
di Selangor naik*

KUALA LUMPUR

BNakan mengkaji semua syarat tambahan dikenakan kerajaan Selangor yang telah menyebabkan kos pembinaan rumah mampu milik di negeri itu meningkat, jika berjaya menawan semula Selangor pada PRU14.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam sidang media berkata langkah penetapan syarat tambahan oleh kerajaan negeri Selangor itu telah menyebabkan kos pembinaan projek perumahan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) lebih tinggi berbanding di



Najib (tengah) ketika melawat ruang pameran Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional PR1MA semalam.

negeri lain.

“Kita tak bercadang menambah syarat-syarat yang akan membawa kepada kos lebih tinggi dan insya-Allah, kalau kita diberi kepercayaan untuk memimpin di Selangor (se-

lepas PRU14) ini, kita akan kaji semula syarat-syarat tambahan yang dikenakan kerajaan negeri.

“Bukan sahaja untuk PR1MA tetapi juga untuk pemaju-pemaju rumah yang semuanya telah pun

menyuarakan rasa tak puas hati mereka terhadap syarat-syarat tambahan yang dikenakan oleh kerajaan Selangor yang bagi mereka menambahkan kos pembinaan yang akhirnya rakyat terpaksa me-

nanggung bebannya,” katanya, tanpa menjelaskan apakah syarat-syarat tambahan tersebut.

Beliau sebelum itu melawat pameran Ekspo Jualan Perumahan - Ke Arah Sejuta Impian’ Edisi Nasional yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Najib berkata Pulau Pinang yang juga ditadbir pembangkang turut mengenakan syarat pelik iaitu mereka yang ingin membeli rumah di negeri itu, perlu mendaftar sebagai pengundi di Pulau Pinang.

Beliau berkata walaupun terdapat kekangan, kerajaan Persekutuan menerusi PR1MA tetap membina rumah dengan harga lebih rendah daripada pasaran bagi memastikan penduduk yang berpendapatan sederhana mampu memiliki rumah. - *Bernama*